

**Larian Bendera Umno Tiba Di Negeri Sembilan  
Bernama  
06 Mei, 2012**

PORT DICKSON, 6 Mei (Bernama) -- Larian Bendera Umno sempena sambutan ulang tahun Umno ke-66, tiba di Negeri Sembilan Ahad.

Bendera parti yang tiba dari Melaka diarak merentasi Sungai Linggi, sempadan Melaka-Negeri Sembilan di Tanjung Agas, di sini diserahkan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam kepada Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Majlis penyerahan bendera itu berlangsung di Dataran Tanjung Agas, Port Dickson pada pukul 6 petang dan bendera berkenaan kemudiannya diserahkan kepada Ketua UMNO Bahagian Telok Kemang, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad untuk meneruskan larian di Negeri Sembilan yang bermula Isnin.

Ketika berucap pada majlis berkenaan, Mohamad berkata larian itu merupakan satu simbol kekuatan seluruh anggota Umno untuk terus bersatu menghadapi cabaran mengharungi Pilihan Raya Umum Ke-13 kelak.

Mohamad berkata larian bendera Umno di Negeri Sembilan akan bermula di Dataran Tanjung Agas sebelum dibawa ke Rembau, Rasah dan Seremban, serta kemudiannya diserahkan kepada Badan Perhubungan Umno Selangor pada Selasa. Larian dijadual tamat di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 11 Mei ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664128>